

02/09/1998

Nilai tukaran ringgit ditetapkan (HL)

don Idris; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan hari ini mengumumkan peraturan kawalan tukaran mata wang dengan mengehadkan jumlah keluar masuk wang tunai berkuatkuasa 1 Oktober ini dan mengikat nilai ringgit pada kadar tetap tidak lama lagi.

Berikutan itu, ringgit tidak lagi sah diperlakukan di luar negara mulai bulan depan.

Mereka yang memegang ringgit di luar negara tidak dapat menukar kepada sebarang mata wang asing kecuali menggunakan ringgit bagi membeli aset Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah drastik itu bertujuan menstabilkan ringgit dan melindungi Malaysia daripada kesan perkembangan terkini dalam persekitaran ekonomi dan kewangan dunia.

Ia juga bertujuan membendung spekulasi terhadap ringgit dan meminimumkan kesan aliran masuk modal jangka pendek ke atas ekonomi negara.

"Ringgit tidak lagi akan sah diperlakukan atau mempunyai nilai di luar negara.

"Bagaimanapun, oleh kerana kita tahu terdapat ringgit di luar Malaysia, kita akan membenarkan ringgit berkenaan dibawa pulang dalam tempoh satu bulan dari hari ini," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada wawancara khas bersama Perdana Menteri mengenai ekonomi negara yang disiarkan secara langsung menerusi semua saluran TV dan rangkaian radio RTM.

Beliau ditemuramah oleh panel yang dianggotai Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press, Datuk A Kadir Jasin; Pemangku Pengarang Eksekutif Perkhidmatan Berita Ekonomi Bernama, Yong Soo Heong dan Pengarah Bahagian Ekonomi Public Bank Berhad, Nasaruddin Arshad.

Terdahulu, Pemangku Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz pada sidang akhbar mengumumkan secara terperinci langkah terbaru pengawalan pertukaran mata wang.

Antaranya, mulai 1 Oktober ini penduduk di negara ini sama ada rakyat tempatan atau asing yang keluar atau masuk dari/ke Malaysia hanya dibenarkan membawa tunai RM1,000 seorang.

Jika dalam bentuk mata wang asing, mereka dibenarkan membawa keluar sehingga maksimum yang nilainya bersamaan RM10,000 tetapi tiada had dikenakan untuk mata wang asing yang dibawa masuk ke negara ini.

Bagi pelawat di negara ini pula, mereka hanya dibenarkan membawa keluar tunai maksimum RM1,000 seorang manakala mata wang asing yang dibawa keluar adalah sehingga sejumlah tukaran mata wang asing yang dibawa masuk ke Malaysia.

Bagi tunai yang dibawa masuk, bukan penduduk itu hanya dibenarkan membawa masuk ringgit secara tunai setakat maksimum RM1,000 setiap orang dan tiada had, jika dibawa dalam bentuk mata wang asing.

Dr Mahathir menjelaskan: "Dengan kadar tetap, orang ramai akan tahu nilai sebenar ringgit dan "apabila kita dapat menguasai semula kadar tukaran kita, kita boleh mengurangkan kadar faedah kita dan tidak ada orang lain yang menguasai kadar faedah kita".

Perdana Menteri berkata, ringgit yang ditetapkan mungkin mempengaruhi kos urus niaga tetapi dengan kadar tetap, lindung nilai tidak diperlukan sementara kos urus niaga tidak bergantung kepada penyusutan nilai atau penilaian semula jika ia dibayar pada tarikh akan datang.

Dr Mahathir berkata, pengawalan modal juga membolehkan pihak berkuasa

mengurangkan kadar faedah, yang kemudian menjadikan hutang lebih murah dan menjana lebih banyak kegiatan perniagaan.

"Ia juga membolehkan kadar faedah diturunkan. Ini adalah sebahagian daripada langkah 'kejutan' yang pernah disebut sebelum ini," katanya.

Mengingatkan sekali lagi ancaman spekulator akan memiskinkan negara, Dr Mahathir berkata lebih banyak langkah akan diumumkan seperti meminda undang-undang yang berkaitan dengan pasaran saham.

Menyifatkan langkah itu sebagai pilihan terakhir dan boleh dikekalkan, Perdana Menteri berkata, ia akan diteruskan sehingga Malaysia pasti terdapat perubahan besar dan asas dalam sistem kewangan antarabangsa.

"Apa yang dibuat adalah untuk membekukan ringgit dalam akaun luar negara, RM tidak lagi sah diperlakukan di luar negara tetapi hanya sah diperlakukan di dalam negara.

"Apa yang jelas adalah orang ramai tidak boleh lagi berada dengan sistem pasaran bebas," katanya sebagai merujuk kepada kawalan modal yang sedang dilaksanakan di Hong Kong dan Chile.

Beliau juga berkata orang asing boleh menggunakan kad kredit di luar negara dan tiada had dikenakan kepada perbelanjaan kecuali apa saja jumlah yang dibolehkan oleh kad berkenaan.

Bagaimanapun rakyat Malaysia hanya boleh membelanjakan RM10,000 di luar negara jika mereka menggunakan kad kredit, katanya.

(END)